

Pembalakan tidak terkawal punca kejadian tanah runtuh

KUALA LUMPUR - Aktiviti pembalakan tidak terkawal dipercayai menjadi punca kejadian tanah runtuh di Kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak berhampiran Lentang-Bukit Tinggi semalam.



SHARIFFA

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, tanah runtuh di kawasan itu sudah dijangka kerana pembalakan berleluasa di sekitar kawasan Hutan Simpan Kekal Lentang berdekatan lokasi kejadian.

"Kita sudah menghantar surat kepada Menteri Besar Pahang,



ADNAN

Datuk Seri Adnan Yaacob pada tahun lepas mengenai aktiviti pembalakan yang tidak sepatutnya berlaku di kawasan sensitif yang berdekatan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut Shariffa Sabrina, kerja-kerja pembalakan di kawasan sekitar kawasan Hutan Simpan Kekal Lentang wajar diharamkan memandangkan ia merupakan kawasan tadahan air.

"Sekiranya ekosistem hutan di negeri ini menjadi kronik, ia akan memberi kesan kepada



KERATAN *Kosmo!* 24 Jun 2014.

seluruh ekosistem di Malaysia kerana banjaran utama terletak di Pahang," ujarnya.

Shariffa Sabrina menegaskan, pihak berkuasa sepatutnya mengharamkan sebarang aktiviti pembangunan dan pembalakan di mana-mana kawasan tinggi walaupun tanah tersebut merupakan tanah persendirian.

"Kerajaan harus mengambil kira faktor kepentingan dan keselamatan orang ramai dan

bukannya keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti-aktiviti tersebut," ujarnya.

Kosmo! pada 24 Jun 2014 pernah melaporkan mengenai aktiviti penerokaan hutan di Pahang yang tidak terkawal sama ada ia dilakukan secara sah atau haram ekoran banyak hutan telah digondol

khususnya di daerah Bentong, Raub dan Cameron Highlands.

Tinjauan *Kosmo!* di beberapa daerah di negeri Pahang mendapati banyak aktiviti penerokaan hutan yang tidak terkawal terutamanya di hutan simpan kekal dan kawasan tadahan hujan.

Ketika tinjauan dibuat di Hutan Simpan Kekal Lentang, Bentong yang mempunyai keluasan 1,338 hektar, pemandangan dari luar menunjukkan kawasan hu-

tan itu bagaikan langsung tidak diusik, namun perkara sebaliknya berlaku di bahagian dalam apabila lebih 78 hektar kawasan hutan simpan kekal berkenaan telah digondolkan.

Tinjauan itu juga mendapati kawasan hutan simpan tersebut telah dirosakkan dengan laluan balak sepanjang kira-kira 20 kilometer bermula dari pintu masuk hutan tersebut di Pejabat Hutan Kecil Lentang hingga ke Kampung Sum Sum Hilir, Janda Baik dan Bukit Tinggi.

Laluan balak yang dibina itu dibimbangi boleh mengakibatkan hakisan tanah dan ia masuk ke dalam Sungai Benus yang mengalir ke kawasan Air Terjun Hutan Lipur Lentang sekali gus mencemarkan kawasan perkeltahan itu jika berlaku hujan lebat.